

**Malaysia, China Pikul Tugas Bangunkan Ekonomi Mereka - Duta Bernama**  
**2 Oktober, 2012**  
**Oleh Azzah Mohamad**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Dasar- dasar yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk manfaat rakyat menarik perhatian duta besar China ke Malaysia Chai Xi.

"Saya dapati kerajaan Malaysia melaksanakan langkah-langkah dan dasar-dasar yang akan menggalak dan memanfaatkan rakyat, seperti konsep 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP)," katanya.

Chai berkata China dan Malaysia berada pada fasa penting pembangunan, memikul tugas penting memajukan ekonomi mereka dan meningkatkan kehidupan rakyat mereka.

"China ingin bekerjasama dengan Malaysia untuk merapatkan lagi perkongsian strategik dan mengambil peluang bagi masa depan yang lebih cerah dalam hubungan dua hala," kata Chai dalam satu temu bual melalui e-mel dengan Bernama sempena ulang tahun ke-63 penubuhan Republik Rakyat China pada 1 Okt.

Bagaimanapun, dasar-dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bukan satu-satunya aspek yang menarik perhatian duta besar itu sejak memegang jawatan di sini pada 2010.

Malaysia mengagumkan beliau dengan "kekayaan dan keindahan tanah anugerah ini, kerajinan, berfikiran terbuka dan orang yang mempunyai daya keusahawanan dan juga kepelbagaian budayanya yang indah dan tersendiri,".

1Malaysia adalah satu konsep bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai etnik, dibuktikan oleh nilai-nilai utama yang perlu diberi perhatian oleh setiap rakyat Malaysia.

Kerajaan juga memperkenalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan juga Klinik 1Malaysia untuk kesejahteraan rakyat.

GTP, yang dilancarkan Perdana Menteri pada 28 Jan 2010 direka bagi menyediakan semua rakyat Malaysia akses kepada perkhidmatan awam yang dipertingkatkan tanpa mengira agama, bangsa dan wilayah manakala ETP yang dilancarkan pada 21 Sept, 2010 merupakan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Semasa menghuraikan hubungan China-Malaysia, Chai mengulangi bahawa "pada masa ini ia berada dalam tempoh terbaik dalam sejarah" dengan kejayaan besar dalam hubungan dua hala tahun ini.

"Kedua buah negara menjalin hubungan kerjasama strategik dan menandatangani perjanjian bersejarah tahun ini," katanya sambil menegaskan bahawa China dan Malaysia adalah jiran yang baik dengan hubungan persahabatan yang terjalin sejak zaman dahulu dan berakar umbi dalam hati setiap rakyat kedua buah negara berkenaan.

Chai juga menyebut Kerjasama Pemuliharaan Panda, Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP) dan Taman Industri Qinzhou China-Malaysia dan juga program pertukaran 100 belia Malaysia-China bagi menandakan hubungan kukuh yang sedia terjalin antara kedua buah negara.

Duta Besar itu berkata lawatan pertukaran peringkat tinggi semakin kerap tahun ini dan hubungan dagang juga "semakin dekat".

"China adalah rakan dagang terbesar Malaysia dan tahun lepas jumlah dagangan dua hala memecah sasaran US\$90 bilion (RM274.5bilion), mencecah paras tertinggi dalam sejarah," katanya.

Beliau juga menjadi hos satu majlis sempena ulang tahun pada Rabu yang mana antara lain, beliau menyatakan sejak 63 tahun lepas, China mencapai pembangunan pesat dalam semua aspek, namun negara itu masih sebuah negara membangun.

"Kami komited memenuhi tanggungjawab antarabangsa sedaya upaya kami," katanya sambil menegaskan bahawa China akur dengan dasar persahabatan dan hubungan kejiranan yang baik dengan negara-negara Asean dan mahu mencapai matlamat pembangunan yang sama dan kemakmuran di rantau ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698940>